

Kosmo (Mys 16) 12/04/2017

Produk berasaskan makanan dan tekstil bernilai RM2 juta akan dihantar ke China

Mahu tembusi pasaran Lanzhou



ABDUL FATTAH (tiga dari kiri) bersalaman dengan Xiang Dong yang mengadakan kunjungan hormat di pejabat Angkasa di Wisma Ungku Aziz di Kuala Lumpur semalam.

Oleh NURUL KHAIRIAH
MOHAMED YUSOF

KELANA JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bakal melakar sejarah baharu dalam perniagaan apabila menghantar lebih 50 produk bernilai kira-kira RM2 juta untuk ditempatkan di Zon Perdagangan Bebas Daerah Lanzhou, Gansu di barat laut China.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, produk makanan dan tekstil mendapat permintaan paling tinggi di sana seperti makanan sejuk beku, produk berasaskan coklat dan tiram yang diperbuat daripada getah asli.

"Jumlah tersebut akan diting-

katkan dari masa ke masa kerana kita mempunyai kepakaran dari aspek infrastruktur dan program pembangunan yang strategik terutamanya apabila melibatkan pasaran produk halal," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat Datuk Bandar Lanzhou, Niu Xiang Dong di Wisma Ungku Aziz di sini.

Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama bagi memperkenalkan produk-produk koperasi negara antara Angkasa dan Jawatankuasa Pentadbiran Daerah Lanzhou.

Menurut Abdul Fattah, peluang untuk usahawan tempatan melebarkan sayap di China lebih cerah kerana permintaan tinggi terhadap

produk tempatan terutamanya produk halal melalui perjanjian itu.

Tambahnya, kerjasama itu mampu membawa kesan positif kerana China mempunyai populasi penduduk beragama Islam yang tinggi selain menjadi tumpuan pelancong Muslim.

Dalam perkembangan sama, Angkasa juga merancang untuk membuka sebuah restoran Melayu di daerah itu sebagai usaha untuk memperkenalkan budaya tempatan kepada masyarakat China.

"Perbincangan sedang dijalankan untuk mendapatkan premis yang dikendalikan oleh penduduknya sendiri dan dipantau oleh wakil tempatan bagi memastikan penyediaan makanan mematuhi standard yang ditetapkan," ujarnya.